



02 MAY, 2024

Dua kilang tayar terpakai ditutup, dikompaun

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2


Dua kilang tayar terpakai ditutup, dikompaun

KULAI: Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mengeluarkan tiga kompaun terhadap dua kilang memproses *pyrolysis* di Jalan Seelong, di sini yang disyaki boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Yang Dipertuanya, Mohd. Fahmi Salam berkata, tindakan itu diambil susulan operasi bersepadu yang dijalankan bersama agensi berkaitan terhadap dua premis yang disyaki melakukan kesalahan tersebut.

"Hasil operasi, Jabatan Penguatkuasaan MPKu mengeluarkan dua tawaran kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (MPKu) 2015 peruntukan Seksyen 109 dan satu tawaran kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (MPKu) 2015 peruntukan UUK Iklan (1982) Para 6 (1).

"Dua premis terbabit turut dikenakan tindakan tutup oleh Jabatan Perlesenan MPKu. Tindakan penguatkuasaan juga akan dilaksanakan dari semasa ke semasa berpandukan aduan awam dan rondaan paman-tauan harian anggota terhadap



PEGAWAI MKPu dan beberapa agensi berkaitan melakukan pemeriksaan terhadap dua kilang memproses *pyrolysis* di Jalan Seelong, Senai, Johor semalam.

pihak pengusaha premis ini," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat MPKu Bilangan 4/2024 di Dewan Persidangan Bangunan MPKu, di sini.

Februari lalu, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan tentang kewujudan kilang-kilang pemprosesan tayar terpakai didapati beroperasi se-

cara mencurigakan.

Berdasarkan siasatan *Utusan Malaysia* kira-kira tiga bulan lalu ke atas ketiga-tiga kilang itu, ia didapati beroperasi secara bersembunyi bagi mengaburi mata pihak berkuasa apabila bertutup dan berkunci dikelilingi zink, jika dilihat dari luar.

Semakan mendapati, kebanyakan kilang industri itu beroperasi tanpa lesen atau menggunakan lesen yang berbeza dengan operasi sebenar memandangkan banyak prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi.

Tinjauan dari udara menggunakan dron ke atas salah sebuah kilang tanpa nama pada 22 Februari lalu di kawasan perindustrian Kulai mendapati longgokan ribuan tayar terpakai dilihat bersepah di tempat terbuka tanpa berbumbung yang mengakibatkan takungan air ketika waktu hujan.

Kedua persekitaran didapati kotor, berdekatan dengan dua lagi kilang lain, tidak kelihatan penggunaan sistem boiler untuk pembakaran dan sistem kawalan pencemaran udara seperti disyaratkan JAS dan JKPP.

Operasi bersepadu kilang memproses *pyrolysis* turut melibatkan Pejabat Tanah Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor SW Corp, Ranhill SAJ dan **Tenaga Nasional Berhad**.